

SOALAN NO.: 27

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB. DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT**
WASALI @ AHMAD
KAWASAN : **SIPITANG**
TARIKH : **23 MAC 2017, KHAMIS**

SOALAN:

YB. DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT WASALI @ AHMAD minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kemajuan pelaksanaan Projek Pan-Borneo bagi kedua-dua jajaran Sabah dan Sarawak sehingga kini, dan apakah halangan dihadapi oleh pihak kontraktor dalam melaksanakannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo telah dipecahkan mengikut negeri, iaitu Sabah dan Sarawak.

Bagi Negeri Sabah, pelaksanaan fasa pertama projek Lebuhraya Pan Borneo ini telah dibahagikan kepada 35 pakej dengan kos keseluruhan sebanyak RM12.86 bilion. Daripada 35 pakej tersebut, setakat ini 3 pakej sedang dalam peringkat pembinaan - iaitu pakej Papar ke Donggongan (11km); Tawau ke Semporna (5km); dan

Jalan Pintasan Lahad Datu (7km). Manakala sebahagian besar lagi pakej LPB Sabah yang lain sedang melalui proses Makmal Pengurusan Nilai di mana ia akan ditender dan mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat selewat-lewatnya hingga akhir tahun ini. Berdasarkan perancangan, keseluruhan fasa pertama LPB Sabah ini akan siap sepenuhnya dalam tempoh 5 tahun 9 bulan, iaitu pada akhir tahun 2021.

Bagi Negeri Sarawak pula, pelaksanaan projek fasa pertama Lebuhraya Pan Borneo di negeri tersebut (Telok Melano ke Miri) berjalan dengan lancar sebagaimana yang dirancang. Sehingga kini kesemua 12 pakej terlibat (termasuk 1 projek ‘kick-off’) telah diawad di mana fasa pembinaan sedang dan akan dilaksanakan mengikut jadual setiap pakej terlibat. Keseluruhan jajaran fasa 1 ini dijangka akan disiapkan menjelang akhir tahun 2021. Manakala bagi fasa 2 pula – iaitu melibatkan laluan dari Miri ke Limbang ke Lawas (melalui negara Brunei Darussalam) dan seterusnya ke Merapok dan Sindumin di sempadan negeri Sarawak dan Sabah – rundingan dengan Kerajaan Brunei Darussalam masih sedang diadakan, dengan penglibatan bersama dari Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Dalam Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara cabaran pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo ini ialah berkaitan isu-isu semasa seperti masalah pengambilan tanah, keperluan bahan binaan, jentera dan pekerja, serta reka bentuk lebuh raya berikutnya sebahagian besar jajaran berada di kawasan tanah gambut. Walau bagaimanapun melalui kerjasama dari semua pihak yang terlibat, isu-isu yang terlibat itu telah, sedang dan akan diselesaikan melalui

perundingan, sama ada di peringkat Kerajaan Pusat maupun Kerajaan Negeri. Ini bagi memastikan pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo di kedua-dua negeri itu dapat disiapkan mengikut tempoh masa, kos dan kualiti yang telah ditetapkan.

Sekian. Terima kasih.